

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PENEROKAAN PEMERKASAAN MAMPAN MELALUI PROGRAM
KEBAJIKAN PRODUKTIF DALAM KALANGAN USAHAWAN BIMBINGAN
MELAYU MUSLIM DI MALAYSIA**

Oleh

PUTRI NOORAFEDAH BINTI MEGAT TAJUDIN

Januari 2021

Pengerusi : Profesor Madya Khairuddin bin Idris, PhD
Institut : Pengajian Sains Sosial

Kebajikan produktif adalah satu strategi dasar penamatan bantuan kebajikan (*exit policy*) melalui program yang membangunkan keupayaan individu. Penyertaan dalam program kebajikan produktif sebagai usahawan bimbingan adalah langkah pertama pemerksaan. Namun begitu, untuk mengekalkan pemerksaan selepas berakhirnya program dan tamatnya bantuan kebajikan merupakan satu cabaran kerana latarbelakang mereka yang terdiri daripada komuniti rentan seperti OKU, ibu tunggal dan keluarga miskin. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka proses pemerksaan yang mampan dalam kalangan usahawan bimbingan sebuah program kebajikan produktif menerusi tiga persoalan utama iaitu: Bagaimana pemerksaan dibangunkan semasa mengikuti program kebajikan produktif dalam kalangan usahawan bimbingan? Bagaimana pemerksaan mampan berlaku dalam kalangan usahawan bimbingan selepas menamatkan bantuan kebajikan? Apakah makna pemerksaan mampan dalam kalangan usahawan bimbingan? Kajian Kes Kualitatif ini melibatkan lapan orang responden dari Negeri Sembilan yang dipilih secara persampelan bertujuan daripada Program *2 Years Exit Programme*. Data dikumpul menerusi temu bual mendalam, pemerhatian tidak turut serta, dan analisis dokumen. Data dianalisis dan diberikan kod, kategori dan sub tema bagi setiap tema utama persoalan kajian. Hasil kajian mendapati usahawan bimbingan membangunkan pemerksaan dengan membangunkan nilai-nilai yang diperlukan untuk pemerksaan; membangunkan ciri-ciri usahawan yang berdikari; dan bersikap aktif semasa dalam program. Pemerksaan mampan berlaku dengan mengaplikasikan strategi daya tindak; mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat; dan tadbir urus perniagaan yang cekap. Makna pemerksaan mampan kepada usahawan bimbingan adalah kepuasan membangunkan kehidupan sendiri, kualiti hidup yang meningkat dan keupayaan menjadi usahawan yang altruistik. Pemerksaan mampan melalui proses pemerksaan keusahawanan memerlukan usaha yang konsisten daripada usahawan bimbingan, perancangan dan pelaksanaan program yang mengambil kira kemampuan penerima bantuan, serta sokongan keluarga dan komuniti terhadap kelangsungan perniagaan. Pemerksaan menjadi lebih bermakna apabila penerima bantuan bersedia berdikari,

melepaskan bantuan malahan membantu golongan yang memerlukan. Kesimpulannya, untuk menamatkan kebergantungan bantuan kebajikan melalui program pembangunan pemerkasaan memerlukan penglibatan semua pihak, jangka masa yang panjang, dan tertakluk kepada kekuatan sumber daya tindak seperti kerohanian, psikologi, cara berfikir, material, dan modal sosial.